



Dr Mahathir bersama peserta ikon remaja selepas majlis pelancaran Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan yang turut dihadiri Khalid dan Rina di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

'Contohi disiplin rakyat Jepun untuk berjaya'

BH- 17/3/2019 m/s 2

➔ Generasi muda perlu tanam nilai murni, berusaha keras hasilkan sesuatu berkualiti: Dr M

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Remaja di negara ini perlu mencontohi sifat mulia masyarakat Jepun yang memiliki perasaan malu untuk gagal dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata malu adalah suatu nilai murni yang dipegang rakyat Jepun sehingga berjaya membangunkan negara itu menjadi sebuah kuasa ekonomi selepas musnah dalam Perang Dunia Kedua.

Beliau berkata, atas faktor itu, kerajaan kini melaksanakan semula Dasar Pandang ke Timur yang pernah dilaksanakan ketika beliau memimpin negara sebelum ini bagi memastikan nilai murni dipegang ma-

sarakat negara itu dicontohi dan diamalkan di Malaysia.

"Untuk dijadikan contoh, kita perlu ikon atau mereka yang sudah terbukti berjaya seperti Jepun yang pernah kalah dan musnah dalam perang, tetapi kini menjadi kuasa ekonomi kedua terbesar di belakang negara yang mengalahkannya.

Berusaha bersungguh-sungguh

"Dengan memiliki sifat amat malu untuk gagal membuatkan rakyatnya berusaha bersungguh-sungguh menjalankan amanah dan tanggungjawab, suatu nilai murni yang perlu kita contohi untuk berjaya," katanya ketika melancarkan Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun.

Dr Mahathir berkata, rasa malu juga akan mendorong seseorang bekerja menghasilkan sesuatu yang berkualiti tinggi, sama seperti Jepun yang berjaya mengeluarkan kenderaan diyakini masyarakat dunia.

"Kalau kita menjadi bangsa yang menghasilkan sesuatu berkualiti tinggi, dunia akan menghormati kita. Tiada persoalan mengenai kualiti barangan kita, sekali gus kita akan maju.

"Justeru, kita mahu rakyat, khu-

susnya golongan remaja berusia 10 hingga 20 tahun disemai sifat murni orang Jepun yang pasti akan membawa kebaikan kepada masa depan negara.

"Yang pasti, perasaan malu untuk gagal boleh menjadi dorongan kepada semua orang bangkit melakukan sesuatu kerja dan amanah dengan lebih baik," katanya.

Remaja Iceland diiktiraf paling cemerlang

Dr Mahathir turut memuji inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan melaksanakan Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan itu, yang akan memberi manfaat besar kepada masa depan negara.

Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan diadaptasi daripada Dasar 'Youth in Iceland' dan selepas lebih 30 tahun pelaksanaannya, remaja Iceland kini diiktiraf paling cemerlang dalam kalangan Indeks Bersih Remaja di Eropah.

Program itu menyasarkan pembabitkan 2,000 remaja berusia 12 hingga 17 tahun yang menetap di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL).

Ia dilaksanakan berdasarkan enam modul iaitu kerohanian dan sahsiah; kebajikan dan kemasyarakatan; patriotisme dan perpaduan; kesihatan dan rekreasi; kemahiran dan daya kreativiti serta sukan.



Dengan memiliki sifat amat malu untuk gagal membuatkan rakyatnya berusaha bersungguh-sungguh menjalankan amanah dan tanggungjawab, suatu nilai murni yang perlu kita contohi untuk berjaya"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri